



BULETIN INFOLIB



Pameran Manuskrip Melayu telah diadakan di Perpustakaan Ibnu Khaldun, PSA pada 12 Oktober 2022 sehingga 12 November 2022. Pameran ini merupakan salah satu pengisian aktiviti Sempena program Semarak Jawi anjuran bersama PSA dan Perpustakaan Negara Malaysia

Koleksi yang di pamerkan adalah seperti replika batu bersurat, replika manuskrip Hukum Kanun Melaka,

Petua Menuntut Ilmu dan sebagainya.


ISI KANDUNGAN

KATA ALUAN	2
SENARAI AKTIVITI	4—5
GALERI AKTIVITI	6—28
STATISTIK IR	29

PROGRAM MENARIK YANG DILAKSANAKAN TAHUN 2022

- BENGKEL PERPUSTAKAAN DIGITAL POLITEKNIK
- PAMERAN MANUSKRIP JAWI
- PROGRAM SEMARAK JAWI
- ULASAN BUKU
- PROGRAM KEMERDEKAAN-

KATA ALUAN



Alhamdulillah, dengan rasa penuh kesyukuran, Buletin Infolib Edisi Julai-Disember 2022 telah berjaya diterbitkan . Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada semua ahli sidang redaksi kerana berjaya menerbitkan Buletin ini. Buletin InfoLib ini memaparkan segala aktiviti yang dirancang dan telah dijalankan oleh Pusat Sumber dan Penerbitan sepanjang tahun 2022 ini.

Harapan agar penerbitan Buletin Infolib ini akan terus menjadi medium penghubung yang bermanfaat kepada semua pembaca . Akhir kata, saya berharap dan berdoa agar warga PSA semua memperoleh manfaat dan input yang berguna.

Terima kasih

TS. DR. AINUL HAEZAH BINTI NORUZMAN
Penyelaras Pusat Sumber dan Penerbitan

BERITA STAF



Jamuan kesyukuran sempena tamat penganjuran Program Kemerdekaan Perpustakaan 2022.



Meraikan Hari Lahir semua staf perpustakaan Ibnu Khaldun



Sumbangan untuk Pn.Monalisa pekerja pembersihan yang akan menyambut kelahiran bayi sulung pada hujung bulan ini.


SENARAI AKTIVITI

Tahun 2022

TARIKH	AKTIVITI
6 JANUARI	Sumbangan bahan bacaan daripada orang perseorangan
28 JANUARI	Majlis perpisahan pelajar latihan Industri
8 FEBRUARI	Sesi perkongsian Ilmu Pustakawan, PSA
1 MAC	Lapor diri pelajar Intern Diploma Uitm
4 MAC	Projek penanaman pokok hijau di sekitar perkarangan perpustakaan sempena "Poly
8 MAC	Hari terakhir perkhidmatan Pn. Akmal Bt
25 MAC	Lawatan dari Kolej Komuniti Langkawi
30 MAC	Majlis perpisahan Pn Akmal dan pelajar Intern Diploma dari Uitm Merbok, Kedah
26 APRIL	Quran Hour peringkat PSA
27 MEI	Sumbangan bahan bacaan Novel dari orang
1 JUN	Lapor diri Pustakawan Kanan Pn Siti Zubaidah Ahmad ke PSA
2 JUN	Lawatan dari khidmat nasihat dan pe-
14 JUN	Aktiviti pembersihan ruang bacaan dan rak bacaan dalam perpustakaan

1 JULAI	Mesyuarat Bil 1/2022 Unit Pusat Sumber & Penerbitan
8 JULAI	Mesyuarat jawatankuasa Bengkel Digital Politeknik
27-28 JULAI	Bengkel perpustakaan Digital politeknik 2022 Anjuran Unit Perpustakaan PSA
8 OGOS	Audit IEMS
22 OGOS	Majlis penyerahan buku terbitan Lembaga Tabung Haji kepada PSA
1 SEPTEMBER	Program Bual Bicara Bersama Alumni PSA
13 SEPTEMBER	Ulasan Buku oleh 2 orang panel jemputan
14 SEPTEMBER	Audit ETEC
23 SEPTEMBER	Bengkel Penulisan Literature Review & Book Repository
4 OKTOBER	Mesyuarat Bengkel Dr jawi
22 SEP-15 OKTOBER	Tayangan gambar dan pameran sempena Program Kemerdekaan
12 OKTOBER	Bengkel Klinik Dr Jawi Siri 2
13 OKTOBER	Majlis penutup program Semarak Jawi anjuran Perpustakaan Negara Majlis dan Perpustakaan Ibnu Khaldun PSA
19 OKTOBER	Literasi Maklumat pelajar BEU Semester 3
27 OKTOBER	Lawatan Penendarasan ke KKTM Melaka

GALERI AKTIVITI



Pada 1 Julai 2022 Mesyuarat Pusat Sumber dan Penerbitan Bil. 1/2022 telah diadakan di bilik perbincangan Perpustakaan Ibnu Khaldun. Mesyuarat pengerusikan oleh Dr. Ainul Haezah binti Noruzman selaku Penyelaras Pusat Sumber dan Penerbitan dan dihadiri oleh semua staf perpustakaan Ibnu Khaldun.



Bengkel Perpustakaan Digital Politeknik 2022



PSA telah menganjurkan Bengkel Perpustakaan Digital Politeknik pada 27-28 Julai 2022 . Bengkel ini telah dihadiri oleh 28 orang peserta yang terdiri daripada Pustakawan seluruh Malaysia. Peserta bengkel dapat bertukar-tukar pandangan dan maklumat untuk meningkatkan perkhidmatan digital khususnya di seluruh Perpustakaan Politeknik. Selain itu, peserta turut diberikan pendedahan dalam memperkasakan ilmu-ilmu baru dalam bidang teknologi maklumat. Bengkel telah berlangsung selama 2 hari di Unit Latihan Pendidikan Lanjutan PSA dan telah dirasmikan oleh Ts. Roseman bin Mat Jidin (Timbalan Pengarah (Akademik)).



PENANDAARASAN PERPUSTAKAAN DIGITAL OLEH POLITEKNIK SELURUH MALAYSIA



Perpustakaan USIM telah dikunjungi oleh Pustakawan dan Penolong Pustakawan daripada Politeknik Premier, Konvensional dan Politeknik Metro seluruh Malaysia pada hari rabu, 27 Julai 2022 lalu. Lawatan Penandaarasan ini bersempena Program Bengkel Perpustakaan Digital Politeknik Malaysia yang telah dianjurkan oleh Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam.

Seramai 29 orang telah menyertai lawatan ini yang diketuai oleh Puan Norhayati Majid, Ketua Unit Perpustakaan Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam. Lawatan ini bertujuan untuk menandaaras pelaksanaan Perpustakaan Digital di Perpustakaan USIM dan usaha untuk menambah baik sistem Perpustakaan Politeknik di bawah Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.





AUDIT IEMS



Perbincangan bersama auditor mengenai Audit IEMS yang akan dilaksanakan di Perpustakaan Ibnu Khaldun.

2022.08.08 11:38

Perbincangan telah diadakan bersama Penolong Pengarah Pn. Mastura binti Hussin daripada Bahagian Gerakan Literasi Maklumat Perpustakaan Negara Malaysia berkenaan program Semarak Jawi peringkat PSA bagi membincangkan hal dan aktiviti program yang akan dijalankan.



Gotong royong memasang Banner Perpustakaan Ibnu Khaldun di ruang legar perpustakaan PSA bersempena dengan Program Sambutan Bulan Kemerdekaan di PSA.



Sepanjang bulan kemerdekaan, pelbagai aktiviti telah dirancang dan dijayakan oleh Perpustakaan Ibnu Khaldun, PSA. Antaranya adalah Pameran Buku di ruang legar perpustakaan, program ulasan buku oleh dua orang panel jemputan yang terdiri daripada Pensyarah PSA, Kuiz dan Pameran Maya mengenai Sejarah Negeri Selangor. Program ini mendapat perhatian dan sambutan yang memberansangkan dari para pelajar juga staf.

Jom beramai-ramai kunjungi Perpustakaan Ibnu Khaldun untuk memeriahkan Pameran Buku Kemerdekaan bagi menyemarakkan lagi Sambutan Bulan Kemerdekaan dan Hari Malaysia 2022 bermula pada 22 Ogos 2022 sehingga 16 September di ruang legar Perpustakaan Ibnu



POLITEKNIK
KEMENTERIAN MALAYSIA
KEMENTERIAN PEMERINTAHAN
KEMENTERIAN KEMERDEKAAN

PROGRAM KEMERDEKAAN PERPUSTAKAAN

PAMERAN BUKU
22 Ogos - 15 September 2022

ULASAN BUKU ONLINE
22 Ogos - 15 September 2022

PAMERAN MAYA
22 Ogos - 15 September 2022

KUIZ INTERAKTIF
22 Ogos - 15 September 2022

PERTANDINGAN TEKA SILANG KATA
22 Ogos - 15 September 2022

TAYANGAN FILEM PATRIOTIK
22 Ogos - 15 September 2022

MALAYSIA #QURANHOUR
30 Ogos 2022

BUAL BICARA MERDEKA BERSAMA ALUMNI PSA
1 September 2022

ANJURAN
PUSAT SUMBER DAN PENERBITAN PSA

Perpustakaan Ibnu Khaldun PSA @perpustakaanibnukhaldunpsa

Tahniah!

PARA PEMENANG PROGRAM KEMERDEKAAN PERPUSTAKAAN

KUIZ PAMERAN MAYA

Tempat Pertama: NURNAJWA KHUMAIRAH BINTI AZIZAN
Tempat Kedua: NURUL FARZANA BINTI MOHD NAZRI
Tempat Ketiga: NURUL SYAHINDAH MAWADDAH BINTI AHMAD SAIFUL BAHRI

Hadiah Saguhati:
JAMALIAH BINTI JAAFAR (staff)
NUR ELISMA ELISYA BINTI ISMAIL
MUHAMMAD ISMAIL BIN MOHAMAD FAJARAL ISLAM
NURIN BATRISYIA BINTI MOHAMAD ZAKKUAN

PUSAT SUMBER DAN PENERBITAN PSA

PROGRAM KEMERDEKAAN PERPUSTAKAAN

22 Ogos 2022 - 15 September 2022

TAYANGAN FILEM PATRIOTIK

22 Ogos 2022 - 15 September 2022

1957 HATI MALAYA
BUKIT KEPONG
DARAH SATRIA
LEFTENAN ADNAN
OLA BOLA
PASKAL
SARJAN HASSAN
TANDA PUTERA

UNIT PUSAT SUMBER DAN PENERBITAN
Perpustakaan Ibnu Khaldun PSA
Perpustakaan Ibnu Khaldun PSA
@perpustakaanibnukhaldunpsa

PROGRAM KEMERDEKAAN PERPUSTAKAAN

22 Ogos 2022 - 15 September 2022

PERTANDINGAN TEKA SILANG KATA

24 Ogos 2022

HADIAH WANG TUNAI DISEDIAKAN!

UNIT PUSAT SUMBER DAN PENERBITAN
Perpustakaan Ibnu Khaldun PSA
Perpustakaan Ibnu Khaldun PSA
@perpustakaanibnukhaldunpsa

PROGRAM BUAL BICARA BERSAMA ALUMNI PSA

JIWA GENERASI MUDA DALAM PENGHAYATAN & PENGUKUHAN JATI DIRI KEMERDEKAAN

1 SEPTEMBER 2022 (KHAMIS)
10.00 AM - 12.00 PM
PERPUSTAKAAN IBNU KHALDUN PSA
TETAMU JEMPUTAN:
YBRS. ENCIK MOHD ISMANORDIN BIN MOHAMAD NOR
(KETUA INSPEKTOR PENJAJAR)

ANJURAN PUSAT SUMBER DAN PENERBITAN PSA



PERTANDINGAN MENGHIAS BANGUNAN SEMPERA BULAN KEMERDEKAAN



Pada 1 September 2022 Perpustakaan Ibnu Khaldun telah menganjurkan Program Bual Bicara Bersama Alumni PSA. Program ini merupakan satu inisiatif ke arah membentuk siswa yang cintakan Negara dan memupuk semangat patriotik. Panel jemputan bagi program ini ialah En. Mohd Ismanordin bin Mohamad Nor, Ketua Inspektor Penjara dari Jabatan Penjara Negeri Pahang. Majlis ini telah dirasmikan oleh Ts. Dr. Hj. Ahmad Aftas bin Azman, Timbalan Pengarah Sokongan Akademik. Turut serta juga En. Nordin bin Masri, wakil Persatuan Alumni PSA. Seramai 180 orang pelajar telah menghadiri program ini yang telah diadakan di Perpustakaan Ibnu Khaldun.





Perpustakaan Negara Malaysia telah menganjurkan program Singgah Santai @ PNM. Antara pengisian menarik yang telah dilaksanakan sepanjang program berlangsung ialah Bicara Keluarga Malaysia bersama personaliti televisyen terkenal, Encik Ahmad Fedtri Yahya dan juga Sembang Kerja bersama Kapten Shahirul Alim Aminudin yang pernah tular dengan gelaran Kapten Pantun.

Seramai 31 orang siswa PSA telah dijemput untuk memeriahkan lagi program tersebut.





Koleksi bahan sumbangan yang telah diberikan oleh individu perseorangan kepada unit perpustakaan. Pihak perpustakaan amat mengalu-alukan pemberian sumbangan berupa bahan bercetak.



Hari pertama Bengkel Klinik Doktor Jawi Siri 2 diadakan di Dewan Kuliah Utama PSA. Penceramah jemputan pada hari ini ialah Ustazah Dalilah Binti Desa dan Ustazah Siti Rohayu Binti Mario, dari Munsyi Dewan JAWI.

Pada masa yang sama juga sedang berlansung di ruang legar Perpustakaan Ibnu Khaldun PSA pelancaran Pameran Manuskrip Melayu oleh Perpustakaan Negara Malaysia (PNM). Sekitar jam 10 pagi hingga 12 tengah hari pula akan diadakan Pertandingan Khat yang juga dianjurkan oleh Perpustakaan Negara Malaysia (PNM).

Seramai 30 orang pelajar telah mengikuti pertandingan ini. Terdapat juga pelajar dari bangsa India dan juga cina turut serta berminat mengikuti program ini.





Hari Ke-2 Bengkel Klinik Dr Jawi Siri 2

Telah berlansung di hari ke-2 di Dewan Kuliah Utama PSA. Penceramah jemputan pada hari ini ialah Ustazah Noor Anita Binti Sihab @ Abd Rahman, Munsyi Dewan JAWI dan juga Encik Mohd Rozaini Bin Jumali, Pengarah Bahagian Strategi, Teknologi Maklumat dan Komunikasi Korporat, Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang.



Gambar Di bawah :

Sekitar majlis penutup program Semarak Jawi anjuran Perpustakaan Negara Malaysia dan Perpustakaan Ibnu Khaldun PSA. Majlis penutup telah dirasmikan oleh Timbalan Pengarah Akademik PSA, Ts. Roseman Bin Mat Jidin @ Jidin dan diiringi oleh Timbalan Pengarah Bahagian Gerakan Literasi Maklumat PNM, Encik Yazid Bin Ibrahim. Turut dijalankan semasa majlis tersebut ialah majlis penyampaian hadiah kepada para pemenang pertandingan khat dan doodle jawi.

Tahniah kepada para pemenang dan terima kasih kepada barisan penceramah dan juri pertandingan serta yang terlibat didalam program ini berlangsung.





Senarai nama pemenang pertandingan Khat:

1. Luqman Bin Shairul
2. Nur Fatin Najwa Bt Mohd Som
3. M.hamizan Haikal

Senarai nama pemenang pertandingan doodle jawi:

1. Imamunnisa Binti mohd Amin
2. Afiq Aizat Bin Saharuddin
3. Nor Ain Atiqah Binti Abu Bakar





LITERASI MAKLUMAT UNTUK BEU SEMESTER 3 (BEU 3A)

Seramai 29 pelajar BEU Semester 3 telah menghadiri kelas Literasi Maklumat.


Kelas ini dikendalikan oleh Puan Norhayati binti Majid. Para pelajar didedahkan dengan tatacara teknik carian maklumat menggunakan pangkalan data.

Dua orang pelajar yang menerima Bantuan Peranti Siswa, iaitu saudari Nancy Connie Igum dan saudara Zulsyahmi Ikhwan menggunakan tablet baru mereka untuk mencari maklumat.



Bengkel Penulisan Literature Review & Book Repository

Perpustakaan Ibnu Khaldun PSA dengan kerjasama Jabatan Pengajian Am telah menjayakan sebuah Bengkel Penulisan Literature Review & Book Repository yang berlangsung pada jam 3.00 petang hingga 5.00 petang di ruang legar perpustakaan. Seramai 200 orang pelajar dari Jabatan Kejuruteraan Awam semester 4 dan 5 telah menyertai bengkel tersebut. Terdapat dua sesi bengkel yang dianjurkan. Sesi pertama ialah Literature Review, di mana Dr Parameswari a/p Shunmugam, pensyarah Jabatan Pengajian Am telah berkongsi tentang penggunaan laman web Mendeley untuk membantu pelajar melakukan 'citation' dengan lebih baik terhadap rumusan artikel mereka. Sesi ke-2 ialah Literasi Maklumat yang telah diterangkan oleh Puan Norhayati binti Majid, Ketua Unit Perpustakaan Ibnu Khaldun PSA berkenaan proses carian bahan maklumat di dalam PSA Digital Library dan Institutional Repository.



Program Rakaman Ulasan Buku Perpustakaan Ibnu Khaldun



Pengulas buku pertama :
En. Khairul Nizam bin Kassim.
Pensyarah Kanan,
Jabatan Kejuruteraan Mekanikal.



Pengulas kedua : Puan Wee Soo Lee
Pensyarah Kanan, Jabatan Kejuruteraan Elektrik

27 OKTOBER 2022

LAWATAN PENANDA ARAS PERPUSTAKAAN IBNU KHALDUN PSA KE PERPUSTAKAAN KKTM MELAKA

Semua staf dari Pusat Sumber dan Penerbitan PSA telah melawat perpustakaan KKTM Masjid Tanah, Melaka. Tujuan lawatan adalah untuk mendapatkan pendedahan mengenai pengurusan audit APACC dan perancangan ruang serta perkhidmatan perpustakaan bagi penambahbaikan kualiti servis di masa akan datang. Lawatan ini telah disambut oleh Encik Karim selaku Ketua Perpustakaan KKTM Masjid Tanah, Melaka.





Gambar di bawah:

4 NOVEMBER 2022 Perpustakaan Ibnu Khaldun PSA telah menerima lawatan daripada lima orang pelajar UiTM Cawangan Puncak Perdana. Kelima-lima pelajar Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Perpustakaan ini mengambil inisiatif membuat lawatan atas tujuan menyempurnakan tugas berkumpulan mereka.

Antara objektif lawatan mereka ialah meneroka dengan lebih terperinci ruang perpustakaan, melihat koleksi bercetak dan tidak bercetak dan melihat perkhidmatan yang disediakan oleh pihak perpustakaan.





lina fadil
14 Sep 2022, 12:15

**Audit ETAC telah berlangsung
untuk melihat dan menilai
perkhidmatan dan kemudahan
yang disediakan oleh pihak
perpustakaan kepada para
pelajar PSA.**

**Turut hadir bersama
mengiringi para auditor iaitu
Timbalan Pengarah Akademik
Ts. Roseman bin Mat Jidin.**



lina fadil
14 Sep 2022, 12:19

STATISTIK IR

Berikut adalah statistik koleksi bahan perpustakaan yang telah di muat naik di dalam sistem (IR) Institutional Repository sepanjang tahun 2022.

KUMULATIF DATA DIGITAL IR SEHINGGA 31 DISEMBER 2022						
TARGET 500 + 1% SETIAP TAHUN DATA DI UPLOAD DI IR						
BAHAN IR	JUDUL / UNIT IR 2019	JUDUL / UNIT IR 2020	JUDUL / UNIT IR 2021	JUDUL / UNIT IR 2022	JUMLAH KESELURUHAN JUDUL/UNIT (jumlah sama seperti IR)	IR
ANNUAL REPORT	10	1	1	1	13	13
ARTICLE INDEXING	124	0	51	5	180	180
CONVOCATION BOOK	18	0	0	2	20	20
FINAL EXAM PAPER	1476	122	305	309	2212	2212
FYP JKA	47	19	133	11	210	6 5 2
FYP JPG	24	20	0	48	92	
FYP JKE	19	97	0	39	155	
FYP JKM	0	37	104	54	195	
***SPEECH	0	0	0	31	31	31
ACADEMIC ARTICLE	6	0	0		6	4 1 6
BOOK CHAPTER	3	0	6		9	
E-BOOKS	0	114	72	41	227	
BULLETIN	21	0	5		26	
CONFERENCE PAPER	0	50	5		55	
E- JOURNAL	9	0	19	1	29	
PROCEEDING	0	53	11		64	
TOTAL BY YEAR	1757	513	712	542	3524	3524

*** SPECH DITUKAR DARI PROSPEKTUS BERMULA JANUARI 2022

PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PREMIER SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH

Persiaran Usahawan,
Seksyen U1, 40150 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.
No. Tel: 03-51634000

Talian Terus:
Pn Norhayati/Pn. Zubaidah
samb. 1265
03-5163 4000 (Pejabat)
No Faks: 03-5569 1903



WAKTU OPERASI PERPUSTAKAAN IBNU KHALDUN

Isnin – Jumaat : 8:00 AM – 5:00 PM
Sabtu & Ahad : Tutup
Cuti Am : Tutup

PUSAT SUMBER DAN PENERBITAN PSA

Perpustakaan Ibnu Khaldun PSA Perpustakaan Ibnu Khaldun PSA @perpustakaanibnukhaldunpsa

SUMBANGAN BAHAN BACAAN

Pihak perpustakaan mengalu-alukan kepada mana-mana individu yang ingin menyumbangkan koleksi bahan kepada pihak perpustakaan.

Sumbangan boleh ditujukan terus kepada Pustakawan, Pn.Siti Zubaidah.

Sumbangan ini akan dikategorikan sebagai hadiah kepada Perpustakaan.

